

**PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH DALAM
KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA UTHM**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

ABSTRAK

Peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan kini telah diisytiharkan sebagai satu isu dunia. Isu ini bukan sahaja membelenggu siswazah, tetapi juga telah menarik minat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang turut berusaha untuk mengatasinya. Di samping pencapaian akademik yang cemerlang, graduan yang berdaya saing mesti mempunyai kemahiran insaniah (KI) yang tinggi seperti kemahiran menyelesaikan masalah yang telah disenaraikan sebagai salah satu kemahiran paling kritikal yang tidak dimiliki oleh graduan. Aktiviti ko-kurikulum dilihat sebagai satu inisiatif terbaik untuk pelajar membangunkan kemahiran penyelesaian masalah di luar suasana bilik darjah. Kelab Kaunseling dan Kerjaya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (KKDK UTHM) sebagai kelab kedua tertua di UTHM telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji keberkesanan kelab tersebut dalam membekalkan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar UTHM. Pengkaji telah menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan empat instrumen kajian iaitu analisis dokumen, pemerhatian, temu bual serta soal selidik untuk mengenal pasti pembentukan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan ahli KKDK UTHM. Hasil kajian mendapati bahawa KKDK UTHM menerapkan elemen kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan ahlinya. Pelajar juga sedar dan turut menguasai elemen kemahiran penyelesaian masalah yang telah di terapkan dalam KKDK UTHM.

ABSTRACT

The increase in unemployment graduate rate has now been declared as a global issue. This issue is not only facing graduates, but also has attracted the Ministry of Higher Education (KPT), which also seeks to address the problem. In addition to excellent academic credentials, marketable graduates must have high soft skills such as problem-solving skills that are listed as one of the most critical skills that are not owned by the graduates. Apart from exposure to soft skills in teaching and learning environment in the classroom, extra-curricular activities is seen as a good initiative as a platform for students to gain problem solving skills. Kelab Kaunseling dan Kerjaya (KKDK) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) as the second oldest club in UTHM has attracted researcher to study its effectiveness in providing problem-solving skills among students UTHM. In this study, the researcher uses the case study as research design, with four instruments of document analysis, observation, interviews and questionnaire to identify the development of problem solving skills among members of KKDK UTHM. The results showed that KKDK UTHM applying the element of problem-solving skills among its members. The study also found that students are realized and was also mastery of the element of problem-solving from the KKDK UTHM.

KANDUNGAN

TAJUK		i
PENGAKUAN		ii
DEDIKASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SIMBOL		xiv
SENARAI LAMPIRAN		xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Penyataan masalah	5
	1.4 Tujuan kajian	5
	1.5 Objektif kajian	5
	1.6 Persoalan kajian	6
	1.7 Kepentingan kajian	6
	1.7.1 Pihak KKDK UTHM	6
	1.7.2 Pejabat HEP UTHM	7
	1.7.3 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	7

1.8	Skop kajian	7
1.9	Batasan kajian	8
1.10	Definisi istilah dan operasional	9
1.11	Kerangka teori	12
1.12	Kerangka konsep	14
1.13	Kesimpulan	16
BAB II	KAJIAN LITERATUR	17
2.0	Pendahuluan	17
2.1	Pengertian kokurikulum	19
2.2	Konsep kokurikulum	18
2.3	Peranan kokurikulum	20
2.4	Kesan positif penglibatan pelajar dalam Kokurikulum	21
2.5	Kesan negatif penglibatan pelajar dalam kokurikulum	23
2.6	Penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar	25
2.7	Hubungan Kokurikulum dengan Kemahiran Insaniah	26
2.8	Penyelesaian masalah	27
	2.8.1 Kategori Penyelesaian Masalah	28
	2.8.2 Proses Penyelesaian Masalah	29
2.9	Konsep kemahiran penyelesaian masalah	29
2.10	Kelab Kaunseling dan Kerjaya	31
2.11	Rumusan bab	33
BAB III	METODOLOGI	34
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka bentuk kajian	33
3.3	Populasi dan sampel kajian	35

3.4	Lokasi kajian	36
3.5	Instrumen kajian	37
3.5.1	Analisis dokumen	37
3.5.2	Pemerhatian	38
3.5.3	Temu bual	39
3.5.4	Borang soal selidik	41
3.6	Pemboleh ubah	45
3.7	Kerangka operasi	46
3.8	Kesahan dan kebolehpercayaan	49
3.8.1	Kesahan	49
3.8.2	Kebolehpercayaan	50
3.9	Kajian rintis	50
3.10	Analisis kajian	51
3.10.1	Analisis pemerhatian	52
3.10.2	Analisis temu bual	53
3.10.3	Analisis soal selidik	54
3.10.4	Analisis dokumen	54
3.11	Andaian kajian	55
3.12	Rumusan bab	55
BAB IV	ANALISIS DATA	56
4.1	Pengenalan	56
4.2	Kebolehpercayaan instrumen soal selidik	57
4.3	Demografi responden	58
4.3.1	Bangsa responden	59
4.3.2	Umur responden	59
4.3.3	Jantina responden	59
4.4	Dapatan kajian	60

4.4.1	Penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam KKDK UTHM	60
4.4.2	Kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam aktiviti yang dijalankan oleh KKDK	75
4.3.3	Penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam aktiviti yang dijalankan oleh KKDK.	81
4.5	Kesimpulan	87
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	89
5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan dapatan kajian	90
5.2.1	Penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam KKDK UTHM	90
5.2.2	Kesedaran ahli KKDK UTHM semester 2 sesi 2011/2012 terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam KKDK UTHM.	92
5.2.3	Penguasaan ahli KKDK UTHM semester 2 sesi 2011/2012 terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti yang dijalankan oleh KKDK UTHM	94
5.3	Kesimpulan	97

5.4	Cadangan	98
5.5	Penutup	99
RUJUKAN		99
LAMPIRAN		
	LAMPIRAN A-J	109-213

SENARAI JADUAL

3.1	Bahagian-bahagian dalam set soal selidik	42
3.2	Skala Likert bagi persoalan mengenai elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah yang diterapkan dalam KKDK	44
3.3	Skala Likert bagi persoalan mengenai kesedaran ahli KKDK terhadap penerapan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah.	44
3.4	Skala Likert bagi persoalan mengenai penguasaan ahli KKDK terhadap kemahiran penyelesaian masalah.	45
3.5	Pemboleh Ubah Kajian	46
3.6	Kesahan item soal selidik	49
3.7	Kaedah analisis yang digunakan mengikut persoalan kajian	52
4.1	Kebolehpercayaan bagi setiap elemen kemahiran penyelesaian masalah	57
4.2	Maklumat diri responden	58
4.3	Analisis Dokumen Profail KKDK UTHM Terhadap Penerapan Elemen Penyelesaian Masalah	61
4.4	Analisis Dokumen Modul Program KKDK UTHM Terhadap Penerapan Elemen Penyelesaian Masalah	63
4.5	Jumlah kekerapan terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan senarai semak pemerhatian	66

4.6	Penerapan elemen penyelesaian masalah dalam KKDK berdasarkan analisis temu bual	69
4.7	Taburan kekerapan dan peratusan penerapan bagi item elemen kemahiran penyelesaian masalah	72
4.8	Kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen penyelesaian masalah dalam KKDK UTHM berdasarkan analisis temu bual	76
4.9	Taburan kekerapan dan peratusan kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah	77
4.10	Penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen penyelesaian masalah dalam KKDK berdasarkan analisis temu bual.	82
4.11	Taburan kekerapan dan peratusan penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah	84

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka teori	13
1.2	Kerangka konsep	15
3.1	Kerangka operasi kajian	48
4.1	Ahli KKDK UTHM melakukan perbincangan	68

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

FPK	–	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPT	–	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	–	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IT	–	<i>Information Technology</i>
KKDK	–	Kelab Kaunseling Dan Kerjaya
KI	–	Kemahiran Insaniah
KPT	–	Kementerian Pengajian Tinggi
HEP	–	Hal Ehwal Pelajar
MTEN	–	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
PSPTN	–	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
UTHM	–	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	–	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian	109
B	Profail KKDK UTHM	112
C	Modul Program KKDK UTHM	135
D	Senarai semak pemerhatian	146
E	Dapatan pemerhatian	148
F	Skrip temu bual	155
G	Transkrip temu bual	157
H	Set soal selidik	187
I	Kebolehpercayaan borang soal selidik kajian rintis	194
J	Kebolehpercayaan borang soal selidik kajian rintis	198
K	Gambar Aktiviti KKDK	209

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengangguran merupakan salah satu daripada masalah global yang dihadapi oleh setiap negara yang sedang membangun. Hasrat untuk mencapai tahap penggunaan sepenuhnya tenaga kerja telah menjadi salah satu matlamat yang terpenting bagi kebanyakan negara-negara membangun. kadar pengangguran dan guna tenaga kerja yang tidak sepenuhnya telah menjadi punca utama terjadinya kemiskinan yang meluas di negara-negara tersebut (Ayoyinka & Isaiyah, 2011). Fakta ini disokong oleh Global Trends 2025 yang menyatakan bahawa pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan dalam era globalisasi. Dalam pemesatan industri kini, amalan profesional moden memerlukan bukan sahaja pengiktirafan kemahiran teknikal semata-mata, tetapi juga kemahiran generik peringkat tinggi atau Kemahiran Insaniah profesional (Johnston & McGregor, 2005).

Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapatkan pekerjaan disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Hal ini kerana kebolehan pasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik cemerlang, mereka perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk kemahiran penyelesaian masalah (Hassan, Ahmad & Bahari, 2008). Menurut Osman (2005), kurikulum merupakan satu

kegiatan berkumpul iaitu penyertaan yang aktif boleh membantu pelajar meningkatkan kemahiran sosial (*soft skills*) mereka. Dengan kemahiran sosial yang baik, tahap interaksi dan integrasi di kalangan pelajar dapat dipertingkatkan lagi. Melalui penglibatan dalam unit beruniform pula dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan, ketahanan mental dan fizikal, semangat patriotik, tahap disiplin selain kemahiran dalam kalangan pelajar.

Perkembangan dunia masa kini dan dalam era globalisasi, majikan tidak hanya mementingkan kemahiran teknikal atau *hard skills* sahaja tetapi juga kepada kemahiran generik atau *soft skills* agar pekerja mereka dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan dalam masa yang sama memiliki *multi skills*. Oleh kerana itu, graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi seperti kebolehan bekerja sendiri, kemahiran IT, kepimpinan, mudah menyesuaikan diri, kemahiran intelektual dan pantas membuat tindakan membantu graduan dalam mendapatkan pekerjaan dalam tempoh yang singkat (Mohamed, Mohd Isa & Shafii, 2007).

Kemahiran Pemikiran Kritis dan penyelesaian masalah merupakan kemahiran yang sangat penting dalam semua profesion (Ariffin *et al.*, 2008). Maka terdapat keperluan yang serius untuk kita mempersiapkan masyarakat secara amnya, dan para pelajar khususnya untuk memiliki kemahiran berfikir secara kritis bagi menghadapi pelbagai cabaran dan situasi yang bakal ditempuhi. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan pendapat Mohd & Hassan (2012) yang mengatakan bahawa masalah adalah sumber input yang besar kepada kesihatan otak iaitu masalah berperanan mengetengahkan dan meluaskan daya imaginasi seseorang ketika melalui proses menyelesaikan masalah. Secara umumnya tahap kemahiran pelajar berfikir secara kritis adalah pada tahap sederhana. Kegagalan pelajar untuk berfikir secara kritis mungkin dapat dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di universiti dan persoalan sejauh mana pendidikan di peringkat universiti melatih pelajar-pelajar ke arah berfikiran kritis mungkin boleh disimpulkan berada pada tahap yang rendah.

Mohd Tahir & Othman (2010) menyatakan kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia. Salah satunya adalah melalui kelab dan persatuan.

Kelab dan persatuan merupakan badan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dengan bilangan ahli sekurang-kurangnya enam orang. Kelab dan persatuan ditubuhkan untuk menjaga kebajikan ahli-ahli dengan menyediakan kemudahan dan bukan semata-mata mencari keuntungan (Hashim, 2008).

1.2 Latar belakang masalah

Statistik dari Jabatan Statistik Negara mendapati jumlah siswazah yang menganggur di Malaysia sehingga tahun 2010 adalah sekitar 80,000 orang yang mewakili 13 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia yang menganggur. Dalam pada itu dikatakan jumlah belia dan graduan Melayu yang menganggur adalah lebih tinggi kerana mereka dikatakan kurang kepakaran dan kemahiran. Tahun demi tahun masalah ini pasti berulang dan kadar peningkatan ini menjadi beban kepada kerajaan dan masyarakat. Yusoff & Rahim (2007) menyatakan, walaupun sebahagian besar kemahiran dalam bekerja adalah bergantung kepada kemahiran teknikal namun tidak menjamin kejayaan individu dalam pekerjaan. Kebanyakan industri kini lebih memerlukan kemahiran generik dalam pemilihan pekerja.

Kemahiran generik adalah kebolehan bukan teknikal dan merupakan satu daripada aspek kemahiran pekerjaan yang sama pentingnya dengan aspek kemahiran teknikal. Pihak majikan dalam sektor industri berpendapat bahawa aspek kemahiran generik atau kemahiran bukan teknikal adalah penting dan perlu dimiliki oleh setiap pekerja bagi memastikan pekerja tersebut benar-benar trampil dalam pekerjaannya (Mansor *et al.*, 2007). Dalam bidang pembinaan misalnya, beberapa kemahiran generik menjadi faktor utama dalam pemilihan seorang jurutera. Arsat & Abd Kadir (2010) mendapati bahawa majikan lebih mengutamakan kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan etika moral profesional dalam industri pembinaan. Tahap kemampuan jurutera berada pada tahap tinggi apabila menguasai elemen-elemen KI tersebut.

Hamidon, Abd Rashid & Ahmad (2005) memfokuskan betapa pentingnya kemahiran *soft skills* pada masa kini. Hal ini bermakna kemahiran *soft skills* seperti kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran *analytical* atau menganalisis dan

bekerja secara kumpulan amat ditekankan di dalam kebolehan pasaran graduan dalam menangani masalah kekurangan peluang pekerjaan. Di samping itu, tahap kemahiran *soft skill* juga dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ini bermaksud kemahiran *soft skill* diperlukan bagi memenuhi pasaran pekerjaan terhadap graduan melalui kecemerlangan akademik (Abu, Kamsah & Razzaly, 2008). Oleh itu, beberapa usaha perlu dilaksanakan bagi melahirkan lepasan graduan yang berdaya saing dan dapat memenuhi kehendak majikan masa kini.

Kokurikulum melalui pendidikan di universiti merupakan laluan terbaik dalam membentuk pelbagai kemahiran tambahan pelajar. Ab Hadi (2009) mendapati bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri pelajar tersebut dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berperanan untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmunan yang menjalankan penyelidikan bagi tujuan mengembangkan ilmu bagi pembangunan masyarakat (Kuh, 2003). Cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan (Hussin, Zakaria & Salleh, 2008).

Sehubungan dengan ini, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketerampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Tujuh elemen KI telah dikenal pasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPTA, antaranya termasuklah elemen kemahiran menyelesaikan masalah. Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), penubuhan kelab dan persatuan seperti Kelab Kaunseling dan Kerjaya (KKDK) dilihat sebagai salah satu saluran yang paling efektif untuk membantu pembentukan kemahiran penyelesaian masalah dalam diri pelajar melalui penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti serta program yang dilaksanakan.

1.3 Penyataan masalah

Isu pengangguran graduan banyak dikaitkan dengan kelemahan graduan dari aspek Kemahiran Insaniah (KI) termasuklah kemahiran menyelesaikan masalah. Selaras dengan harapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek, satu usaha untuk memperkembangkan aspek-aspek tersebut dilaksanakan melalui pembentukan Kelab Kaunseling dan Kerjaya (KKDK) dalam sistem kokurikulum IPTA. Penubuhan kelab ini dianggap penting bagi melengkapkan diri graduan dengan nilai kebolehsasaran yang tinggi dan mampu bersaing dalam arus perkembangan teknologi global. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji bagaimana fungsi KKDK di UTHM dalam membangunkan elemen kemahiran penyelesaian masalah melalui program dan aktiviti yang dijalankan.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji bagaimana KI khususnya kemahiran penyelesaian masalah dibangunkan dalam kalangan pelajar menerusi kegiatan kokurikulum KKDK di UTHM.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui penerapan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti kokurikulum dalam kalangan ahli KKDK.
- ii. Mengetahui kesedaran pelajar mengenai penerapan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti kokurikulum dalam KKDK.

- iii. Mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti kokurikulum dalam KKDK.

1.6 Persoalan kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- i. Adakah kemahiran penyelesaian masalah diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan oleh KKDK UTHM?
- ii. Bagaimanakah kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti yang dijalankan oleh KKDK UTHM?
- iii. Bagaimanakah penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti yang dijalankan oleh KKDK UTHM?

1.7 Kepentingan kajian

Pada akhir kajian ini, pengkaji mengharapkan hasil kajian dapat memberi impak positif kepada tiga pihak yang terbabit iaitu:

1.7.1 Pihak KKDK UTHM

Bagi pihak KKDK UTHM, kajian ini dapat memperbaiki kaedah pengurusan dan perancangan aktiviti mereka supaya menepati hasrat sebenar kokurikulum itu dibangunkan. Dengan itu, sebarang kelemahan terhadap elemen yang perlu diterapkan dapat dikenal pasti dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran.

1.7.2 Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)UTHM

Bagi pihak HEP khususnya pihak pengurusan, hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas terhadap tindakan susulan yang perlu dilakukan untuk mencapai hasrat KPT dalam pelaksanaan KI dalam kokurikulum. Di samping itu juga, kajian ini dapat memberi gambaran terhadap sejauh mana penerapan KI dapat diterapkan melalui KKDK. Berdasarkan dapatan kajian ini, usaha penambahbaikan dapat dirangka bagi mengatasi kelemahan yang telah dikesan.

1.7.3 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Kajian ini secara tidak langsung dapat memberi impak kepada pihak KPT iaitu keberkesanan Modul KI yang diperkenalkan pada tahun 2006 dapat dinilai semula. Seterusnya pihak KPT dapat merangka penambahbaikan pada pelan pelaksanaan yang sedia ada berdasarkan kepada hasil dapatan kajian.

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi maklum balas terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum menerusi KKDKUTHM terhadap penerapan kemahiran penyelesaian masalah yang merupakan satu daripada tujuh kemahiran dalam KI seperti yang disasarkan oleh KPT.

1.8 Skop kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tiga bahagian sahaja iaitu:

- i. Pengkaji memfokuskan kajian kepada kokurikulum tidak berkredit KKDK UTHM .
- ii. Menumpukan kepada kemahiran penyelesaian masalah yang merupakan salah satu daripada tujuh kemahiran yang terdapat dalam KI yang digariskan oleh KPT yang merangkumi empat elemen termasuk kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah, kebolehan untuk mengembang dan membaiki kemahiran berfikir, kebolehan mencari idea dan penyelesaian alternatif serta kebolehan untuk berfikir melangkaui batas

- iii. Tumpuan kepada ahli KKDK semester 2 sesi 2011/2012 dan penasihat KKDK yang pengkaji jadikan sebagai responden kajian.

1.9 Batasan kajian

Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Masa

Memandangkan masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian adalah sangat terhad iaitu hanya dua semester atau bersamaan dengan satu tahun, ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap tahap pembentukan kemahiran penyelesaian masalah pelajar menerusi KKDK. Bagi mendapatkan data yang lebih mendalam, masa yang lebih lama diperlukan, tambahan pula kelab ini hanya menjalankan aktiviti yang besar pada pertengahan tahun sahaja.

- ii. Kewangan.

Kajian ini dijalankan di UTHM sahaja disebabkan jarak membataskan penyelidik untuk membuat kajian di IPTA yang lain. Di samping itu, faktor kewangan penyelidik sebagai pelajar membataskan penyelidik untuk membuat kajian di kawasan yang lebih luas ruang lingkup nya.

- iii. Kefahaman responden terhadap soal selidik dan temu bual

Kefahaman responden terhadap item soal selidik dan item temu bual juga adalah penting. Hal ini adalah kerana keadaan ini mempengaruhi maklum balas yang diberikan oleh responden. Jika responden faham dengan item yang diberikan, maka maklum balas yang diberikan adalah maklum balas yang sepatutnya. Keadaan yang sebaliknya berlaku jika responden tidak faham dengan item yang dikemukakan.

iv. Kejujuran responden

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden khususnya dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka tanpa sebarang perasaan pilih kasih.

1.10 Definisi istilah dan operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah penting yang setiap satunya pengkaji huraikan sebagai definisi istilah dengan merujuk kepada konteks kajian. Istilah-istilah tersebut adalah:

i. Penerapan

Ensiklopedia Global (2001) mendefinisikan penerapan sebagai perihal atau perbuatan menerapkan, mengenakan, menyerapkan dan mempraktikkan dan sebagainya. Dalam konteks penyelidikan ini penerapan ialah sebagai perbuatan pelajar dalam menerapkan kemahiran penyelesaian masalah dalam kegiatan kokurikulum dan untuk melihat sejauh mana penguasaan kemahiran penyelesaian masalah yang terdapat pada pelajar UTHM.

ii. Kemahiran

Kemahiran merupakan kebolehan untuk mendapatkan pengetahuan dalam peringkat menyempurnakan tugas (*Expert Panel On Skills*, 2000). Gallagher (1999), pula merumuskan kemahiran sebagai set kemahiran yang merangkumi asas, teknikal, pengurusan dan kepimpinan. Dalam konteks kajian, kemahiran merujuk kepada output yang diperolehi hasil penglibatan pelajar dalam KKDK.

iii. Kemahiran penyelesaian masalah

Kemahiran penyelesaian masalah merupakan kemahiran yang melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan

berlainan (KPT, 2006). Kemahiran penyelesaian masalah dalam konteks kajian adalah elemen-elemen yang terdapat dalam kemahiran penyelesaian masalah seperti yang telah pengkaji nyatakan.

iv. Kaunseling

Kaunseling ialah proses membantu orang ramai untuk meneliti dan memahami masalah peribadi serta memperkembangkan bakat mereka. Seseorang mendapatkan kaunseling untuk membantu mereka dalam bidang seperti memilih kerjaya, hal yang berkaitan dengan emosi, menghadapi masalah hubungan, dan krisis peribadi.

Kebanyakan kaunseling berasaskan perbincangan antara seorang klien dengan kaunselor terlatih dalam satu suasana yang sulit. Sungguhpun ada kalanya kaunselor memberi maklumat, seperti keputusan ujian kecerdasan atau maklumat tentang kerjaya yang berlainan kepada klien mereka, biasanya mereka tidak sesekali mencuba untuk menyelesaikan masalah bagi pihak klien mereka. Sebaliknya, klien dibantu untuk menjelaskan pemikiran mereka dan mengenal pasti keperluan mereka supaya mereka dapat mengatasi sendiri masalah mereka.

Semenjak tahun 1950-an, kaunseling telah memperkembangkan beberapa bidang yang khusus. Antara bidang yang paling penting ialah kaunseling jangka pendek dan kaunseling untuk pasangan yang telah berkahwin. Bidang kaunseling pasca bencana juga mengalami perkembangan yang amat pesat. Kaunselor yang mengambil pengkhususan dalam bidang ini mengendalikan orang yang menderita kesan akibat jenayah yang ganas, perang, gempa bumi, banjir dan bencana lain (Ensiklopedia Dunia, 2005).

v. Kegiatan Kokurikulum

Bermaksud sebarang kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (Kurikulum Kebangsaan, 1997).

vi. Kemahiran Insaniah

KI merupakan kemahiran generik. KI merangkumi aspek kemahiran generik. Walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus tentang KI tetapi kebanyakannya berkait dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. KI adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global pada masa kini.

Dalam usaha menentukan elemen KI untuk dilaksanakan dan diterima guna oleh IPT, kajian dan pandangan pakar serta pengalaman IPT yang telah melaksanakannya telah diambil kira. Sebagai hasilnya, elemen berikut telah dipilih untuk dilaksanakan di IPT iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran penyelesaian masalah, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

Setiap elemen berkenaan boleh di murni dan diperincikan kepada dua kumpulan, iaitu KI Mesti “KIM” (*musthave*) dan KI Tambahan “KIT” (*good to have*). Walaupun perhatian perlu diberi kepada usaha membekalkan modal insan dengan KIM, penerapan KIT juga adalah digalakkan. Setiap IPT harus diberi kelonggaran untuk memilih KIT yang hendak diterapkan. Semua elemen KI yang dicadangkan mesti dikuasai oleh setiap pelajar dan perlu dinilai secara komprehensif dan berkesan (KPT, 2006).

vii. Pembangunan


Pembangunan ditakrifkan sebagai kemajuan yang meliputi pertumbuhan dan perkembangan budaya, negara dan tingkat hierarki manusia (Aroff & Kasa, 2002). Dalam konteks kajian ini, pembangunan merujuk kepada penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam aktiviti kokurikulum menerusi KKDK.

Berdasarkan kepada istilah-istilah yang telah pun pengkaji kupas, maka kajian ini yang bertajuk Pembangunan Kemahiran Penyelesaian Masalah Dalam Kelab Kaunseling dan Kerjaya (KKDK) UTHM telah pengkaji jalankan dengan menjadikan ahli KKDK semester 2 sesi 2011/2012 sebagai responden utama kajian.

1.11 Kerangka teori

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1, kerangka teori adalah merupakan asas bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Pengkaji mengadaptasi teori kajian ini berdasarkan teori yang telah dihasilkan oleh Kolb (1984). Kolb menyifatkan pembelajaran sebagai satu proses refleksi ke atas pengalaman yang telah dilalui, diterjemahkan kepada teori dan konsep lalu menjadi satu panduan kepada pengalaman yang baru. Empat fasa ini berada dalam satu kitaran, dengan setiap fasa menjurus kepada perlakuan yang berbeza yang bertujuan menggalakkan pelajar mempelajari cara untuk belajar, penghargaan kepada ilmu, peningkatan kemahiran dan juga kreativiti.

Teori ini dapat dijelaskan dalam bentuk kitaran yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kolb menerangkan kitaran teori ini melalui dua dimensi yang berbeza iaitu dimensi pertama pada paksi menegak ialah merujuk kepada dimensi menerima maklumat atau hasil sama ada secara pengalaman konkrit iaitu dengan merasai (*feeling*) atau konseptual abstrak iaitu secara berfikir pada paksi yang bertentangan. Manakala dimensi kedua pula merujuk kepada paksi melintang yang terdiri daripada dimensi proses.



Rajah 1.1: Kerangka teori

Diadaptasi dan diubahsuai daripada Kolb (1984)

Empat fasa yang terdapat dalam teori Kolb menterjemahkan cara pembelajaran yang dilalui oleh para ahli KKDK semester 2 sesi 2011/2012 dalam membentuk kemahiran penyelesaian masalah menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam KKDK. Penglibatan secara langsung setiap ahli KKDK dengan proses merancang dan melaksanakan sesuatu program dalam KKDK membawa kepada fasa pengalaman konkrit ahli dalam membangunkan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam diri mereka manakala proses ahli-ahli KKDK memerhati dan menilai situasi yang berlaku semasa berlangsungnya sesuatu program menunjukkan fasa pemerhatian reflektif sedang diaplikasikan. Fasa konseptual abstrak pula dapat dilihat melalui input yang diperolehi oleh para ahli KKDK dalam membangunkan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah menerusi teori serta tunjuk ajar yang diberikan oleh pemimpin serta penasihat kelab.

Akhir sekali, ahli KKDK dapat mengaplikasikan pembelajaran yang diperolehi berdasarkan pengalaman yang dilalui dengan melakukan eksperimentasi aktif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kelab.


Oleh yang demikian, pengkaji telah mendapati bahawa teori Kolb sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini berdasarkan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah serta objektif kajian yang ingin dicapai.

1.12 Kerangka konsep

Kerangka konsep seperti Rajah 1.2 menjadi panduan kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina bagi mengkaji penerapan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar menerusi kegiatan kokurikulum yang dijalankan oleh KKDK di UTHM.

Kajian ini secara umumnya mengkaji pembangunan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar UTHM menerusi KKDK. Elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah yang dipilih untuk diuji adalah berdasarkan modul KI yang diterbitkan oleh KPT (2006).

Kajian yang dijalankan oleh KPT (2006) menyatakan, terdapat beberapa elemen kemahiran penyelesaian masalah yang perlu diberi perhatian semasa mengintegrasikan aspek KI di institusi pengajian tinggi bagi memenuhi kehendak dan keperluan majikan industri. Elemen kemahiran penyelesaian masalah yang dikaji adalah Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) merangkumi kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah, kebolehan untuk mengembangkan dan membaiki kemahiran berfikir dan kebolehan untuk mencari idea dan penyelesaian alternatif serta Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) iaitu kebolehan untuk berfikir melangkaui batas.



Rajah 1.2: Kerangka konsep
(Diadaptasi dan diubah suai daripada KPT (2006))

Penyelidik memilih beberapa aspek yang ingin dikaji dalam organisasi dan aktiviti KKDK UTHM iaitu penerapan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah, kesedaran tentang penerapan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah serta penguasaan elemen-elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan ahli KKDK. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sama ada penubuhan KKDK digunakan sepenuhnya atau tidak dalam membantu ahli-ahlinya melengkapkan diri dengan kemahiran penyelesaian masalah seterusnya meningkatkan kualiti tenaga kerja mereka sebelum menamatkan pengajian di UTHM kelak.

1.13 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menyatakan mengenai pengenalan, latar belakang masalah yang ingin dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, teori kajian, batasan kajian dan konsep kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab Satu telah menerangkan secara ringkas keseluruhan isi kandungan kajian ini. Keterangan yang selanjutnya dibincangkan dalam Bab Dua hingga Bab Lima.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kokurikulum, kemahiran insaniah, perhubungan antara kokurikulum dan kemahiran insaniah, kebaikan serta keburukan aktiviti kokurikulum terhadap pelajar, kaunseling dan kerjaya serta kemahiran penyelesaian masalah.

2.1 Pengertian kokurikulum

Dua konsep yang sering dikaitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah kurikulum dan kokurikulum. Aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam bilik darjah atau mata pelajaran akademik disebut kurikulum. Aktiviti – aktiviti yang sebahagian besarnya dilakukan di luar bilik darjah pula disebut kokurikulum (Ibrahim & Mohmud, 1995). Namun begitu, kadangkala aktiviti kokurikulum juga dilaksanakan di dalam bilik darjah iaitu mengikut kesesuaian sesuatu gerak kerja tersebut seperti syarahan, ceramah dan tunjuk cara. Aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum dilaksanakan sama ada melalui badan beruniform, persatuan, kelab sukan dan permainan. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti

kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, social dan sebagainya. Aktiviti ini juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi (Abdul Rahim, 1998).

Kegiatan kokurikulum beererti sebarang kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (Kurikulum Kebangsaan, 1997). Menurut Badusah *et al.* (2009) pula, kokurikulum di IPT merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajian bidang teras. Kokurikulum menumpukan hasil pembelajarannya terhadap pencapaian dalam komponen psikomotor dan afektif di samping kognitif. Penekanan kepada komponen tersebut adalah penting ke arah pembentukan modal insan. Kurikulum dalam kokurikulum juga dirancang untuk menerapkan kriteria khusus untuk membentuk modal insan menerusi pembangunan elemen-elemen KI (Chi, Chi & Po, 2011). Abd.Wahab (2002) merumuskan bahawa Kokurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh. Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin sendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semula jadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa dan negara, kebudayaan, integrasi nasional dan sebagainya membantu murid menentukan hala tuju kehidupan masa depannya.

Berdasarkan buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1992), kokurikulum didefinisikan sebagai satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Aktiviti-aktiviti kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah (Mohd Sofian, Aminuddin & Borhan, 2002). Antara aktiviti kokurikulum termasuklah sukan dan permainan, persatuan dan kelab, dan pasukan pakaian seragam.

Menurut Azman (2007), kokurikulum adalah merujuk kepada semua bentuk aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh pihak

sekolah di luar waktu sekolah bagi mencapai matlamat dan objektif pendidikan. Kokurikulum juga dikenali sebagai kurikulum tambahan (*extra-curriculum*) atau aktiviti kelas tambahan (Lowhorn, 2008). Gerak kerja kokurikulum (GERKO) adalah merupakan sebahagian kurikulum formal yang merangkumi aktiviti-aktiviti persatuan, kelab, permainan dan sukan, serta unit beruniform yang dijalankan di luar bilik darjah. Aktiviti-aktiviti kokurikulum ini tidak dimasukkan ke dalam jadual waktu mata pelajaran sekolah.

Aktiviti kokurikulum merupakan pelbagai aktiviti pendidikan luar sukatan pelajaran dan disertai oleh pelajar-pelajar mengikut kecenderungan minat ataupun kebolehan istimewa diri mereka. Pada asasnya kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah atau lebih tepat lagi sebagai lanjutan daripada aktiviti bilik darjah.

2.2 Konsep kokurikulum

Kokurikulum adalah aktiviti amali lanjutan kepada mata pelajaran bilik darjah (Abu Bakar & Ikhsan, 2003). Pengetahuan daripada mata pelajaran lain diintegrasikan dalam aktiviti praktikal semasa menjalankan gerak kerja kokurikulum dalam bentuk gunaan. Misalnya dalam latihan sukan sebagai satu aktiviti kokurikulum, pengetahuan mengenai biologi berkenaan dengan sistem *cardiovascular* dapat diaplikasikan dalam sistem latihan pembinaan daya tahan tersebut. Pengalaman yang diperoleh daripada aktiviti kokurikulum meluaskan pandangan, pengetahuan, kefahaman pelajar serta menghasilkan perkembangan dan kematangan jasmani, mental, sosial dan emosi pelajar melalui situasi yang terdapat interaksi sosial yang sihat dalam suasana yang lebih bermakna, riang dan menyeronokkan (Abu Bakar & Ikhsan, 2003).

Sekitar tahun 60-an dan 70-an, kokurikulum masih dianggap sebagai aktiviti yang berasingan dengan aktiviti pembelajaran pelajar dan tidak begitu penting dalam perkembangan dan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di sekolah. Walau bagaimanapun konsep kokurikulum telah berubah. Kokurikulum diterima sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah mulai lewat tahun 70-an.

Menurut KPT (2007), Konsep pendidikan tidak ber kredit bagi kursus kokurikulum yang dilaksanakan oleh pihak universiti adalah sesuai untuk dijadikan sebagai saluran pembentukan tujuh elemen KI ke dalam diri para pelajar. Pelajar boleh membuat pilihan untuk mengikuti kursus kokurikulum berdasarkan minat atau kemampuan mereka. Terdapat lapan teras utama kokurikulum yang telah diperkenalkan oleh KPT iaitu sukan, kebudayaan, daya usaha dan inovasi, pengucapan awam, kesukarelawan, khidmat komuniti, keusahawanan dan kepimpinan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut dijangka dapat merealisasikan penerapan tujuh elemen KI dalam diri pelajar semasa pengajian.

Oleh itu, secara rumusannya konsep kokurikulum adalah merupakan suatu aktiviti tersusun di luar bilik darjah yang secara tidak langsung membantu memantapkan sesi pembelajaran yang dijalani pelajar di dalam bilik darjah. Fokus utama aktiviti kokurikulum dilaksanakan di sekolah adalah untuk membantu pelajar dalam membentuk perkembangan mental, jasmani, rohani dan sosial serta mengisi masa terluang pelajar dengan aktiviti yang bermanfaat.

2.3 Peranan kokurikulum

Kokurikulum sememangnya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan rohani, emosi dan jasmani (Habib *et al.*, 2011). Melalui kokurikulum, keperluan minda dan fizikal pelajar boleh dibentuk menerusi aktiviti luar bilik darjah seperti permainan dan persatuan bagi menghasilkan pelajar yang memiliki tubuh badan yang sihat dan cergas (Ismat & Saleem, 2012). Selain itu, bakat terpendam pelajar juga boleh dicungkil melalui aktiviti-aktiviti pertandingan serta boleh diketengahkan sehingga ke peringkat negeri, kebangsaan, malah hingga ke peringkat dunia.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam aktiviti kokurikulum lebih menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial pelajar. Menurut Abdul Rahim (1998), kecemerlangan dalam bidang kokurikulum lazimnya diukur dari aspek penglibatan aktif pelajar dengan daya saing dan daya usaha yang tinggi dalam proses menjayakan semua aktiviti kokurikulum. Melalui aktiviti kokurikulum juga, para pelajar dapat didedahkan kepada pendekatan

secara praktikal yang membolehkan mereka memperoleh pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara langsung (Fauzee, Yusof & Yusof, 2002).

Aktiviti kokurikulum yang dijalankan dengan baik dan teratur serta dikendalikan secara efisien, adalah berpotensi tinggi untuk menaikkan nama sesebuah sekolah. Pelajar dapat menyedari kemahiran yang dimiliki serta dapat menonjolkan bakat dan bersaing untuk menunjukkan kecemerlangan masing-masing (Tang & Chan, 2009). Secara tidak langsung, penglibatan aktif pelajar dalam kokurikulum mampu menghindarkan pelajar daripada aktiviti sosial yang tidak berfaedah.

Kegiatan kokurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan dalam kalangan pelajar berbagai-bagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berbeza (Teng, 1989). Kokurikulum mampu membentuk personaliti yang positif pelajar seperti berdisiplin dan bertanggungjawab. Melalui aktiviti kokurikulum, kepimpinan sekolah yang berusaha menyegarkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif melalui penekanan pembentukan nilai-nilai murni seterusnya membantu proses pembentukan personaliti pelajar tersebut (National Intramural-Recreational Sports Association, 2004).

2.4 Kesan positif penglibatan pelajar dalam kokurikulum

Hassan & Safar (2010) menjalankan kajian untuk melihat perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan hubungan di antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dan kepimpinan dengan aktiviti akademik. Dapatan kajian menunjukkan responden memberi maklum balas positif terhadap pembinaan sahsiah diri, kepimpinan dan aktiviti akademik menerusi aktiviti kokurikulum. Beliau mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua hubungan yang dikaji. Pada keseluruhannya, kajian beliau menunjukkan bahawa pembinaan kecemerlangan diri menerusi penglibatan dalam kokurikulum dalam kalangan pemimpin pelajar di Universiti Teknologi Malaysia adalah positif.

Mohd Tahir & Othman (2010) dalam kajiannya menyatakan kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa aspek kepimpinan berada pada tahap tinggi iaitu merupakan aspek penting yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam pemilihan menyertai aktiviti kokurikulum.

Kokurikulum menyediakan satu peluang yang sesuai kepada pelajar untuk memimpin atau mengetuai sesuatu pertubuhan. Situasi ini memberikan mereka satu keyakinan terhadap kemampuan mereka dalam aspek-aspek tertentu. Mereka mula menyedari bakat yang ada dan berupaya untuk mengembangkannya serta mengasahnya menjadi sesuatu yang lebih cemerlang lagi seperti memimpin pertubuhan belia, syarikat dan juga negara (Lawhor, 2008).

Menurut Abdul Rahman (2004), penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademiknya. Kajian beliau meliputi beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancangkan, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab mereka terhadap kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik mereka. Kajian tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan peralihan hingga ke tingkatan lima. Populasi kajian diambil dari sekolah ini seramai 190 orang, namun hanya pelajar yang terlibat dalam tidak kurang dari empat jenis aktiviti dalam kegiatan kokurikulum yang diambil sebagai sampel. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut jelas tidak memberi kesan yang buruk terhadap pencapaian akademik mereka.

Pendapat tersebut turut disokong kuat oleh Bashir & Hussain (2012), iaitu kajian kes yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Abbottabad Pakistan membuktikan pelajar yang melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum telah mendapat keputusan akademik yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Ini adalah kerana, menerusi penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum telah membentuk disiplin, sahsiah terpuji, motivasi diri serta nilai-nilai murni yang positif dalam diri pelajar

yang seterusnya banyak membantu dalam meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar.

Potensi dalaman pelajar dapat dikembangkan melalui aktiviti kokurikulum. Sesetengah pelajar tidak mengetahui kelebihan yang terdapat pada dirinya. Melalui kegiatan kokurikulum, kelebihan yang tersembunyi dapat diketahui apabila seseorang pelajar bergiat dalam kokurikulum. Sebagai contohnya, seorang pelajar itu tidak mengetahui kelebihan yang ada pada dirinya, tetapi setelah memberanikan diri menyertai kegiatan kokurikulum, bakatnya mampu dicungkil dan pelajar tersebut terus bergiat dalam acara yang diminati, dan akhirnya menjadi juara dalam lapangan tersebut. Dengan ini, pelajar itu berpeluang untuk mewakili kelab yang dianggotainya untuk bertanding pada peringkat sekolah. Secara tidak langsung, kejayaan pada peringkat sekolah ini seterusnya membawa pelajar ini untuk mewakili daerah, negeri, dan kemudiannya negara (Jamalis & Fauzee, 2007). Tidak mustahil bagi pelajar yang pasif pada zaman kanak-kanak untuk menjadi wira negara dalam pelbagai lapangan apabila dewasa kelak menerusi langkah pertamanya ke dalam aktiviti kokurikulum.

Secara keseluruhannya, aktiviti kokurikulum dilihat sebagai suatu cara atau inisiatif bagi pelajar untuk mencapai kecemerlangan diri disamping mendatangkan nilai tambah yang bermanfaat kepada pelajar melalui penglibatan aktif mereka dalam program-program di luar bilik darjah.

2.5 Kesan negatif penglibatan pelajar dalam kokurikulum

Beberapa pengkaji pula berpendapat, aktiviti kokurikulum adalah tidak berfaedah dan hanya mendatangkan pelbagai kesan buruk terhadap pelajar. Cook & Blue (2004) mengaitkan keciciran pelajar sekolah menengah dengan penglibatan aktif mereka dalam sukan sekolah kerana pelajar lebih menumpukan aktiviti sukan berbanding dengan pelajaran mereka. Pendapat ini disokong oleh Rubin, Bommer, & Baldwin (2002), yang menyatakan terdapat beberapa aktiviti luar bilik darjah yang membuang masa pelajar iaitu terdapat aktiviti yang dijalankan tidak menyokong subjek pembelajaran di dalam kelas. Daripada dapatan kajiannya, beliau mencadangkan agar pihak sekolah menganjurkan aktiviti dan program kokurikulum yang mempunyai

persamaan dengan hasil pembelajaran di dalam kelas supaya pelajar dapat mengamalkan di luar bilik darjah.

Terdapat banyak pendapat yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum hanya mengambil banyak masa ulangkaji pelajar. Menurut Daniels (2001), penglibatan pelajar dalam kokurikulum sememangnya diakui mempunyai banyak manfaat kepada pelajar seperti pergaulan, memberi keyakinan diri, dapat mencungkil bakat pelajar. Namun, ada juga peserta yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum ini mengalami tekanan psikologi kesan daripada kesibukan dan juga kekangan masa untuk membahagikan masa antara belajar dan sukan, contohnya apabila seseorang pelajar itu terpilih dalam sesuatu pertandingan. Pelajar tersebut menghabiskan masa dengan aktivitinya sedangkan rakan-rakan lain dapat memenuhi masa tersebut dengan mengulangkaji pelajaran. Kenyataan tersebut disokong oleh Kalenkoski & Pabilonia (2009) yang menyatakan aktiviti kokurikulum lasak sebagai aktiviti yang tidak berfaedah kerana mengurangkan masa pelajar sekolah dengan menghabiskan masa yang ada kepada aktiviti dan program pembangunan manusia. Beliau melihat matlamat utama pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang cerdas. Pelajar yang aktif dalam kokurikulum menyebabkan pelajar memperuntukkan hanya sedikit masa untuk tidur, kerja rumah dan juga masa berehat seterusnya menyebabkan pembelajaran terganggu.

Pelajar yang terlalu banyak terlibat dalam aktiviti lasak luar sekolah terdedah kepada kecederaan dan mengambil masa yang agak lama untuk sembuh di samping pelajar menjadi cepat marah akibat kepenatan. Aktiviti fizikal yang terlalu banyak mendorong pelajar menjauhi jadual akademiknya (Wilson & Nikki, 2009).

Kajian turut dijalankan oleh Polymerou (2007) ke atas pelajar yang terlibat dalam sukan universiti dan kolej di Amerika dan mendapati bahawa terdapat pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol sepanjang penglibatan mereka dalam sukan. Kajian beliau dibuat berdasarkan pemilihan secara rawak atlit yang terpilih dalam sukan universiti dan kolej. Menurutnya lagi, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum tidak dapat membentuk disiplin seseorang pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Hamid, M. A. (2003). *Meningkatkan Daya Fikir: Panduan Memahami Konsep-Konsep Asas Serta Fungsi Pemikiran Dalam Kehidupan Manusia*. Edisi pertama. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman, A. (2004). *Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kokurikulum Dan Kesannya Keatas Pencapaian Akademik: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Dicapai Pada Disember 12, 2011 dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdfail/ptkghdfwp/aminudinbp010123d2004ttp.pdf>.
- Abdul Rahim, A. A. (1998). *Pengurusan Kokurikulum*. Edisi Ketujuh. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd. Rashid, A. R. (1999). *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum: Pendekatan Pedagogi dan Wawasan Pendidikan Bestari*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ab Hadi, M. Y. (2008). *Sumbangan Kurikulum dan Kokurikulum Bagi Penguasaan Kemahiran Generik Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Januari 2, 2012 dari http://eprints.uthm.edu.my/2325/1/4E-Sumbangan_Kurikulum.pdf.
- Ahmad, N. (1996). *Senario Kaunseling*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Alvarez, R. M. & Nagler, J. (2005). *A Method for Weighting Survey Samples of Low-Incidence Voter*. Paper prepared for the 2005 Political Methodology Summer Meeting, Tallahassee. Florida: Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://www.nyu.edu/gsas/dept/politics/faculty/nagler/weightsmethods11.pdf>

- Ariffin, S. R. (2008). *Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Penyelesaian Masalah Pelajar-Pelajar Sains Di Malaysia*. Dicapai pada September 12, 2011 dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/d/1.pdf>.
- Arsat, M. & Abd Kadir, N. (2010). *Kemahiran Generik Dalam Faktor Pemilihan Jurutera Mengikut Perspektif Industri Pembinaan*. Dicapai pada Oktober 5, 2011 dari http://eprints.utm.my/10251/2/Norrafidah_bt_Abd_Kadir.pdf.
- Ayoyinka, O. & Isaiyah, O. (2011). *Employment and Economic Growth Nexus in Nigeria*, 2(11). Dicapai pada September 30, 2011, dari http://www.ijbssnet.com/journals/Vol.2_No.11_%5BSpecial_Issue-June_2011%5D/33.pdf.
- Azman, N. A. (2007). *Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Di Sekolah Menengah Daerah Mersing*. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://www.scribd.com/doc/53899581/6/Kokurikulum>.
- Badusah, J., Hussin, M. & dan Johar, A. R. (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Baron, J. (2000). *Thinking and Deciding*. 3rd ed. Cape Town: Cambridge University Press.
- Bashir, Z. & Hussain, S. (2012). The Effectiveness of Curricular Activities on Academic Achivements of Secondary School Students in District Abbottabad Pakistan- A Case Study. *Journal of Education and Practice*, 1(3), 44-48.
- Blue, D & Cook, J. E. (2004). *High School Dropouts: Can We Reverse the Stagnation in School Graduation*. The University of Texas Department of Educational Administration: Study of High School Restructuring. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://www.edb.utexas.edu/hsns/HSNSbrief2.pdf>.
- Bono, E. D. (2000). *New Thinking For The New Millenium*. 1st ed. London: The Mc Quaig Group Inc.
- Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1992): Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burn, R. B. (2000). *Introduction Research Method*. Edisi ke empat. Australia: Longman.
- Butterworth, J. & Thwaites, G. (2008). *Thinking Skills*. 4th ed. The Edinburgh Building, Cambridge: Cambridge University Press.

- Callan, V. J. (2003). *Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes*. 3rd ed. South Australia: National Centre of Vocational Education Research (NVCER) Ltd.
- Che Abd. Rahman, A. S. (2007). *Pengetahuan Kandungan Dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana. Dicapai pada Oktober 4, 2011 dari <http://dspace.fsktm.um.edu.my/bitstream/1812/427/1/Tesis%20Dr.%20Abd.%20Shatar%20bin%20Che%20Abd.%20Rahman.pdf>.
- Chi, H. L., Chi, W. R. N. & Po, O. E. C. (2011). Can Co-Curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness of Students?: An Application to the Sub-degree Students in Hong Kong. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 3(23), 329-341.
- Coiera, E. & Tombs, V. (1998). *Communication Behaviours in a Hospital Setting: An Observational Study*. Agency Mediation Department. Dicapai pada November 18, 2011 dari <http://www.hpl.hp.com/techreports/98/HPL-9812.pdf>.
- Creswell, J. (2003). *Research Design* 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Croom, L. (1997). *Mathematics for All Students Access, Excellence, and Equity*. Dicapai pada Disember 7, 2011 dari [http://www.nctm.org/uploadedFiles/Professional Development/Focus of the Year/Equity/12%2097yearbook%20chap1.pdf](http://www.nctm.org/uploadedFiles/Professional%20Development/Focus%20of%20the%20Year/Equity/12%2097yearbook%20chap1.pdf).
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan Buku 1*. 1st ed. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Daniels, P. L. (2001). *Interscholastic Sports And The Middle School Student: A Case Study*. Dissertation Submitted to the Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University. Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://scholar.lib.vt.edu/theses/available/etd-120299-170148/unrestricted/mssports.pdf>.
- Deane, M. & Borg, E. (2011). *Inside Track: Critical Thinking & Analysis*. 1st ed. England: Pearson Education Limited.
- Dunser, A. & Hornecker, E. (2007). *An Observational Study Of Children Interacting With An Augmented Story Book*. New Zealand: University of Canterbury.

Dicapai pada November 18, 2011 dari http://www.ehornecker.de/Papers/edutainment_2007_duenser.pdf.

- Ensiklopedia Dunia (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 10, ms. 377
- Ensiklopedia Malaysiana (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms.443.
- Fauzee, M. S. O., Yusof, A., & Yusof, B. (2002). *Kokurikulum: Peranan Dan Implikasi*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Foubert, J.D. & Grainger, L. U. (2006). Effects of Involvement in Clubs and Organizations on the Psychosocial Development of First-Year and Senior College Student. *NASPA Journal*, 43(1). Dicapai pada November 23, 2011 dari <http://okstate.academia.edu/JohnFoubert/Papers/90869/.pdf>.
- Gillham, B. (2010). *Developing a Questionnaire*. 2nd ed. New York: British Library Cataloguing in Publication Data.
- Global Trends 2025. *A Transformed World (2008)*. by the Superintendent of Documents: US Government Printing Office. Dicapai pada Oktober 5, 2011 dari http://www.dni.gov/nic/PDF_2025/2025_Global_Trends_Final_Report.pdf.
- Gubrium, J. F. & Holstein, J. A. (2002). *Handbook of Interview Research: Context & Method*. 3rd ed. Thousand Oaks, California: Sage Publications Ltd.
- Habib, M. B., Nadeem, M. A., Aslam, H. D., Ahmad, M. & Hussain, Z. (2011). Assessing The Role and Importance of Co-Curricular Activities in Special People (Deaf) Learning at Elementary Level. *International Journal of Bussiness and Social Science*, 11(2), 165-172.
- Hamidon, J. S., Abd Rashid, K. A. & Ahmad, M. F. B. (2005). *Kemahiran Soft skill Mempengaruhi Pencapaian CGPA Dalam Memenuhi Kebolehpasaran Pekerjaan Terhadap Graduan Politeknik Seberang Perai (PSP)*. Dicapai pada Disember 10, 2011 dari <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/penerbitan/files/Prosiding%20MyTEDT10%20%28110111%29.pdf>.
- Hanin H. S. (2011). Kaedah Mengatasi Kebimbangan Dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali. (Methods to Overcome Anxiety in Counseling: An Analysis from Al-Ghazali Perspectives). *Jurnal Hadhari* 3(1), 41-57.

Dicapai pada Januari 16, 2012 dari <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v3n12011/makalah-v3n1-n3.pdf>.

- Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktasiswa Perdana UniMAP*. Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/5842/1/kemahiran%20insaniah%20dan%20kepentingan%20penerapannya%20dalam%20program%20baktasiswa%20perdana%20unimap.pdf>.
- Hancock, B. (2002). *An Introduction to Qualitative Research*. Division of General Practice University of Nottingham. Dicapai pada November 16, 2011 dari http://faculty.uccb.ns.ca/pmacintyre/course_pages/MBA603/MBA603_files/IntroQualitativeResearch.pdf.
- Haron, Z. & Idris, A. A. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. (Unpublished).
- Hashim, M. Z. (2008). *Mengurus Acara Rasmi Sekolah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Hussin, H., Zakaria, A. & Salleh, M. S. (2008). *Memperkasakan Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah (soft skills)*. Dicapai pada November 13, 2011 dari <http://www.pkb.edu.my/upliv2/LIborang/softskillsintro.pdf>.
- Ibrahim, I. M. & Mohmud, D. D. (1995). *Organisasi Yang Membantu Dunia: Palang Merah Dan Bulan Sabit Merah*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, F. (2004). *Pemikiran Sistemik*. Edisi Pertama. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail, I. & Ahmad Shah, W. M. (1999). *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling*. Edisi Kedua. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismat & Saleem, R. (2012). Role of Co-Curricular Activities: Survey of the Perceptions of Stakes Holders (Case Study of Peshawar District). *Journal of Managerial Sciences*, 2(11), 213-219.
- Jamalis, M. & Omar Fauzee, M. S. (2007). Developing Human Value through Extra Curricular Activities. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*

- 3(1). Universiti Putra Malaysia. Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://hraljournal.com/Page/6Marjohan%20Jamalis.pdf>.
- Johnston, S. & McGregor, H. (2005). *Recognizing and Supporting a Scholarship of Practice: Soft Skills are Hard!*. Dicapai pada Julai 20, 2011, dari http://www.apjce.org/files/APJCE_06_1_1_6.pdf.
- Kalenkoski, C. M. & Pabilonia, S. W. (2009). *Time to Work or Time to Play: The Effect of Student Employment on Homework, Sleep, and Screen Time*. Discussion Paper No. 4666 December 2009. Dicapai pada November 2, 2011 dari <http://ftp.iza.org/dp4666.pdf>.
- Kementerian Pengajian Tinggi. *Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010*. Dicapai pada Oktober 9, 2011 dari <http://jpt.mohe.gov.my/DASAR/PTPTN.php>.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and Development*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall. Dicapai pada Oktober 9, 2011 dari <http://academic.regis.edu/ed205/Kolb.pdf>.
- Kvale, S. (1996). *Interviews: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Thousand Oaks California: Sage Publications. Dicapai pada November 18, 2011 dari [http://www.inside-installations.org/OCMT/mydocs/Microsoft%20Word%20-%20Booksummary Interviews SMAK 2.pdf](http://www.inside-installations.org/OCMT/mydocs/Microsoft%20Word%20-%20Booksummary%20Interviews_SMAK_2.pdf).
- Lavellee, D. & Wylleman, P. (2000). *Career Transitions In Sports: International Perspectives*. 1st ed. United States of America: Fitness Information Technology, Inc.
- Lawhorn, B. (2008). Extracurricular Activities. *Occupational Outlook Quarterly Winter 2008–09*. Dicapai pada November 7, 2011 dari <http://www.bls.gov/opub/ooq/2008/winter/art02.pdf>
- Machado, C., Almeida, L. S. & Soares, A. P. (2002). Academic Experience at the Beginning and the End of University Studies. *European Journal of Education*, 37(4). Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://repositorium.sdum.uminho.pt/bitstream/1822/12077/1/Machado,%20Almeida%20%26%20Soares,%202002.pdf>.

- Mansor, M. F. (2007). *Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Projek Tahun Akhir Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem UKM*. Dicapai pada Oktober 2, 2011 dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb07/5.pdf>.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan Dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum Di UTHM*. Jabatan Pendidikan Ikhtisas Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM. Dicapai pada November 12, 2011 dari http://eprints.uthm.edu.my/1414/1/24_Pages_from_perlaksanaan_dan_penilaian_kemahiran_insaniah_dalam_mata_pelajaran_kokurikulum_di_uthm.pdf.
- Mat Safar, H. & Mat Assain, F. (2007). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*. Dicapai pada November 13, 2011 dari http://www.polipd.edu.my/v1/sites/default/files/20111007_Fadilah_Hasmadi.pdf.
- Mat Som, A. F. (2010). *Nurturing Experimental Learning in Co-Curriculum Activities: Case Studies of Tourism Clubs in Secondary Schools*. Penang: Universiti Sains Malaysia. Dicapai Pada Mac 22, 2012 dari <http://capontravel.files.wordpress.com/2010/10/international-journal1.pdf>
- McLeod, J. (1993). *An Introduction to Counselling*. 1st ed. Celtic Court, Buckingham: Open University Press, Buckingham.
- Meier, S. T. & Davis, S. R. (2008). *The Elements of Counseling*. 6th ed. United States of America: Thomson Corporation Sdn. Bhd.
- Mertens, D. S. (2010). *Research and Evaluation in Education and Psychology*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohamad Arip, M. & Yusof, B. (2006). *Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed, A., Mohd Isa, F. L. & Shafii, H. (2007). *Kemahiran Di Kalangan Graduan Sebagai Kriteria Penting Pasaran Tenaga Kerja: Kajian Kes Graduan Fakulti Kejuruteraan, UKM*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007. Fakulti Kejuruteraan UKM. Dicapai pada September 13, 2011 dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb07/26.pdf>.

- Mohd, A. & Hassan, A. (2012). *Kuasai Dunia Dengan Berfikir: Cetuskan Idea Luar Biasa Dengan Teknik Berfikir yang Betul*. Edisi Pertama. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd, A. & Hassan, A. (1998). *Memahami Psikologi Berfikir*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Yayasan Sabah*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 6, 2011 dari <http://eprints.utm.my/10527/1.pdf>.
- Mohd Nor, N. & Borhan, N. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*. Dicapai pada Oktober 21, 2011 dari <http://eprints.utm.my/10462/1.pdf>.
- Mohd Tahir, L. & Othman, O. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari http://eprints.utm.my/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.pdf.
- Mustapha, M. & Ahmad, R. (2005). *Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Terhadap Bimbingan Dan Kaunseling*. Dalam 3rd International Qualitative Research Convention, 21 - 23rd, August 2005, Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, Johor. (Unpublished)
- Muthnick, R. J. & Berg, B. L. (1996). *Research Methods for the Social Sciences: Practice and Applications*. 1st ed. United State of America: Allyn & Bacon Company.
- Nachmias, C. F. & Nachmias, D. (2008). *Research Methods in the Social Sciences*. 5th ed. Milwaukee: British Library Cataloguing in Publication Data.
- National Intramural-Recreational Sports Association (2004). *The Value of Recreational Sports in Higher Education: Impact on Student Enrollment, Success, and Buying Power*. 1st ed. United States of America: Human Kinetics Publisher.
- Nordin, M. S., Abd Hamid, M. Z. & Jabor, M. K. (2005). *Modul Program Pendidikan Sukan dan Rekreasi UKM: Suatu Kesenambungan*. Dicapai pada

November 25, 2011 dari <http://web1.fp.utm.my/seminar/5.IsuPendidikan05/Kertaspenuh/Kertas%208.pdf>.

- Osman, M. (2005). *Pemikiran Kreatif*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Phillips, J. A. (1999). *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Polymerou, A. (2007). *Alcohol and Drug Prevention in Colleges and Universities*. Dicapai pada November 13, 2011 dari http://www.mentorfoundation.org/uploads/UK_Prevention_Colleges_and_Universities.pdf.
- Rubin, R. S., Bommer, W. H. & Baldwin, T. T. (2002). *Using Extracurricular Activity As An Indicator On Interpersonal Skill: Prudent Evaluation Or Recruiting Malpractice?*. Human Resource Management, Winter 2002. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://www.collegiateassessment.com/acarticle2.pdf>.
- Rusmin, R. (2008). *Kokurikulum Bendung Gejala Sosial*. Dicapai pada Januari 23, 2012 dari www.bharian.com.my/Current_Newa/myMetro/Monday/Bestari/20080811100600/Article/indexv.html?query_start=143.
- Shuib, M. & Zainal, A. (2002). *Aktiviti Berfikir*. Edisi Pertama. Universiti Sains Malaysia: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sharan B. Merriam (2003). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. United State of America: Mc Graw Hill Education.
- Suratman A. S. & Mohd Rosli, M. F. A. (2010). *Persepsi Pelajar Spi Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 5, 2011 dari http://eprints.utm.my/10256/2/Mohd_Fariiqul_Amin_Bin_Mohd_Rosli.pdf.
- Tang, C. Y. (1997). *Bimbingan Dan Kaunseling Untuk Sekolah Rendah Dan Menengah*. Edisi Kedua. Selangor Darul Ehsan: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Tang, K. N, & Chan, T. H. (2009). Hubungan Ke kerap an Pelaksanaan Gaya Kepemimpinan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dengan Pencapaian

- Pasukan Olahraga Sekolah. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*, 51(E), 19-30.
- Teng, B. T. (1989). *Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah*. Edisi Kedua. Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Vissbr, S. B., Krosnick, J. A. And Lavraws P. J. (1999). *Survey Research*. Dicapai pada November 14, 2011 dari http://comm.stanford.edu/faculty/krosnick/Survey_Research.pdf.
- Walter, T. L., Knudsvig, G. M. & Smith, D. E. P. (2003). *Critical Thinking: Building The Basics*. 2nd ed. Australia: Concise Media Edition.
- Wen, C. K. (2009). A Study Of Stress Sources Among College Students In Taiwan. *Journal of Academic and Business Ethics*. Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://www.aabri.com/manuscripts/10471.pdf>.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. 7th ed. Needham Heights: A Pearson Education Company.
- Wilson, N. L. (2009). Impact of Extracurricular Activities on Students. *Jurnal The Graduate School University of Wisconsin-Stout May, 2009*. Dicapai pada November 24, 2011 dari <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2009/2009wilsonn.pdf>.
- Yusoff, I., Ismail, R., & Sidin, R. (2008). *Graduan Dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM. Graduates and Employment: The Case of UKM's Graduates*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/acrobatakademika72/akademika72\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/acrobatakademika72/akademika72[01].pdf).
- Yusoff & Rahim (2010). *Tahap Kemahiran Insaniah (KI) Pelajar Semester 7 Kemahiran Hidup di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UPSI. (Unpublished).